

29/10/2001

Zionis di sebalik huru-hara ekonomi, politik, sosial dunia

Razali Zakaria

DALAM pertemuan empat mata dengan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, ketika forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Shanghai baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan pandangan mengenai keganasan dan tindak balas Washington.

Perdana Menteri juga menasihatkan Amerika supaya mengkaji semula dasar luar Rumah Putih terhadap negara Arab, terutama isu Palestin-Israel, yang mencakupi penubuhan negara Palestin merdeka.

Dalam hal ini, apa perlunya Amerika meneliti semula dasar luarnya terhadap negara Arab-Islam dan Palestin? Apa kaitan Washington dalam perbalahan Arab-Israel?

Mampukan Amerika mengawal tindak-tanduk Israel terhadap dunia Arab, khususnya penduduk Palestin? Sedangkan dalam perkembangan terbaru, rejim Zionis itu kembali mencerooboh beberapa penempatan Palestin di Tebing Barat atas alasan untuk memerangi keganasan dan dalam erti kata lain, pengganas.

Washington mungkin boleh mengubah dasar luarnya terhadap negara Arab-Islam dan Palestin. Tetapi, Israel yang menjadi punca umat Islam bertindak ganas, tidak akan tunduk kepada tekanan supaya mengembalikan seluruh wilayah dan bumi Palestin yang dirampasnya.

Hakikat yang harus diterima ialah Israel kini diperintah oleh rejim Yahudi-Zionis. (Sesetengah Yahudi tidak menerima amalan Zionisme). Sejarah membuktikan bahawa Zionis yang sebelum ini berselerak di benua Eropah mahu kembali membuka penempatan di sebuah kawasan berbukit di Baitulmaqdis, iaitu Zion. Mereka mendakwa kawasan itu adalah tempat sebuah kerajaan keagamaan Yahudi yang lenyap ditelan zaman.

Lantas, seorang profesor Yahudi Austria, Dr Theodore Herzl, menganjurkan cita-cita politik Zionisme. Menerusi cerdik pandai Yahudi, mereka merangka strategi untuk menguasai dunia.

Strategi itu dikenali sebagai Protokol Zionisme yang mengandungi pecahan 24 protokol membabitkan pelbagai isu untuk dilaksanakan sebelum dan selepas penubuhan negara Israel.

Butiran dalam protokol itu pada awalnya hanya dimiliki pemimpin utama rejim Zionis dan dianggap rahsia. Isi protokol itu mempunyai banyak bahasa kiasan yang dikatakan hanya boleh difahami bangsa Yahudi-Zionis - itu pun perlu dibaca dan dikaji berulang kali. Umat Islam sukar memahaminya.

Tetapi, protokol itu akhirnya dapat dimiliki seorang paderi ortodoks, Prof Sergyei A Nilus, yang kemudian menerbitkannya dalam bahasa Russia pada 1905 dan kini diterjemahkan ke dalam banyak bahasa.

Protokol itu mendedahkan rahsia strategi Zionis untuk memerintah dunia, seiring dengan kepercayaan bahawa Tuhan memilih mereka untuk menguasai dunia dan taraf bangsa Yahudi lebih tinggi daripada bangsa lain.

Jika dikaji beberapa pecahan dalam Protokol Zionis itu, ternyata huru-hara ekonomi, politik dan sosial yang berlaku di dunia sekarang, kebanyakannya angkara rejim Zionis.

Protokol 2, umpamanya, ada menyebut: "Para pentadbir, yang akan kita lantik di kalangan orang ramai, mestilah mereka yang sanggup mengikut perintah kita dan bukan dari kalangan yang bijak mentadbir, sebaliknya menurut saja kehendak penasihat dan pakar yang kita latih sejak kecil."

Dalam hal ini terbukti protokol berkenaan terguna pakai ke atas pemimpin Parti Demokrat dan Republikan Amerika yang menerima bantuan Pertubuhan Zionis Sedunia.

Seperkara lain yang disebut dalam Protokol Zionis ialah berkaitan media.

Protokol 2 ada menyebut: "Pada negara-negara yang ada hari ini, ada suatu kuasa besar yang mampu membentuk fikiran orang ramai, iaitu media. Peranan media ialah menunjukkan keperluan yang kononnya perlu dipenuhi, menyampaikan suara dan rungutan orang ramai serta menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka. Negara bukan Yahudi tidak tahu bagaimana menggunakan media yang akhirnya jatuh ke tangan kita. Melalui media kita mendapat kuasa mempengaruhi sementara kita terus bersembunyi. Kerana media, kita mendapat `emas' walaupun kita memperolehnya dari lautan darah dan air mata."

Protokol 12 menambah: "Tiada suatu pengumuman pun yang akan sampai kepada orang ramai tanpa kawalan kita. Sekarang pun ia sudah kita capai kerana berita dari seluruh dunia diterima agensi yang kita kawal dan menyiarkannya mengikut kehendak kita."

Dari sudut ekonomi, rejim Zionis melaksanakan strateginya berpandukan Protokol 3: "Kita akan mencipta suatu krisis ekonomi sejagat dengan pelbagai cara rahsia yang terbuka di depan kita dan dengan `emas' yang ada pada kita, sehingga kesatuan sekerja akan keluar ke jalan raya untuk melakukan huru-hara di seluruh negara Eropah."

Strategi ini terbukti dengan kemeleketan ekonomi sejagat yang pernah berlaku beberapa kali sejak beberapa tahun kebelakangan. Malah, Zionis sendiri mengakui Revolusi Perancis adalah hasil perancangan mereka.

Selain itu, beberapa protokol lagi, termasuk Protokol 7 yang berkaitan menyerang penentang dan memperkukuhkan pertahanan dengan menyediakan senjata canggih, turut dimasukkan dalam strategi Zionis. Kini rejim itu dengan bantuan dan kerjasama Amerika sudah memiliki senjata moden.

Mengikut majalah Arms Trader Insider yang diterbitkan The Council For A Livable World, pada 19 Januari 2001, bekas Presiden Bill Clinton berjanji Israel akan memiliki pesawat pejuang terbaru Amerika, F-22 Raptor. Malah, Clinton turut digelar sebagai presiden yang paling banyak mengeksport senjata dalam sejarah Amerika.

Protokol 9 pula yang lebih dikenali teori timbangtara antara lain dapat ditafsirkan sebagai: "Kita tidak banyak mengubah undang-undang yang ada tetapi kita memutarbelitkan undang-undang itu hingga menimbulkan tafsiran yang bertentangan dan dengan itu kita mendapat hasil amat besar. Hasil ini ternyata sekali dalam hakikat bahawa tafsiran itu menjadi topeng kepada undang-undang. Tafsiran itu pula menyembunyikan undang-undang itu daripada kerajaan kerana mereka sudah tidak berupaya memahami undang-undang yang sudah menjadi kusut."

Hanya dengan mengkaji dan meneliti protokol berkenaan, kesimpulan boleh dibuat bahawa Israel tidak mungkin dengan mudah bersedia memulangkan semula tanah yang dirampas dan mengakui wujudnya sebuah negara Palestin merdeka, sebelum memastikan penduduk Palestin `berhutang' dengan mereka.

Dalam protokol itu juga ada menyebut supaya setiap negara berhutang dengan Zionis dan dikenakan kadar faedah yang tinggi. Zionis akan mewajibkan negara terbabit berhutang lagi dengan mereka untuk membayar faedah itu.

Jelaslah kini ketika seluruh negara beralih kepada konflik Amerika-Afghanistan - selepas tragedi 11 September menggegarkan bandar raya New York dan Washington - dunia seolah-olah lupa kepada gerakan terbaru Israel ke atas bumi Palestin dengan beberapa siri pencerobohan yang semakin meningkat.

Terbaru, rejim Zionis itu mengambil kesempatan mencerooboh sekurang-kurangnya enam bandar Palestin. Selain memusnahkan beberapa bangunan dan penempatan, mereka terus mengganas dan membunuh penduduk Palestin.

Rejim Zionis itu mengambil kesempatan sepenuhnya daripada kesibukan dunia cuba menyelesaikan krisis Washington-Kabul-Osama dengan bertindak sewenang-wenangnya, sedang Amerika terus menguji bom buatan mereka dan

Israel di bumi Afghanistan.

Atas nama menghapuskan keganasan, Israel mengikut jejak `bapa' mereka, Amerika, untuk menghapuskan rakyat Palestin. Malah, kerajaan Ariel Sharon sudah mengeluarkan kata dua kepada pemimpin Palestin, Yasser Arafat, supaya memastikan kumpulan militan Palestin dihapuskan jika mahu askar Yahudi yang menceroboh bandar Palestin diundurkan.

Rejim Yahudi juga meletakkan syarat supaya Arafat memastikan rakyat Palestin yang menembak mati seorang menteri kanannya diserahkan kepada mereka. Itulah antara ketetapan sebelum askar Israel berundur.

Jelas kepada kita, Amerika serta sekutunya, termasuk Israel, kini menggunakan alasan keganasan untuk menekan sesebuah negara supaya mengikut telunjuk mereka selepas strategi ekonomi kurang berfungsi untuk `mengawal' negara tertentu. Sememangnya tindakan itu ada udang di sebalik batu.

(END)